

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

Ketidakpadanan pekerjaan graduan TVET diteliti

Ketidakpadanan pekerjaan graduan TVET diteliti

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengakui wujud ketidakpadanan pekerjaan yang sangat ketara membaikkan graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Susulan itu, Timbalan Menterinya, Liew Chin Tong, berkata pihaknya sedang memperhalusi isu itu yang perlu diatasi segera. "Memang betul ada 'mismatch' (ketidakpadanan) ketara. Sebelum ini kerajaan terdahulu tidak ada satu pendekatan secara seragam (bagi menanganinya), kebanyakkan agensi bekerja secara berasingan.

"Justeru, hasrat Kerajaan Perpaduan adalah untuk membaikti keadaan itu dan kurangkan jumlah ketidakpadanan ini," kata-

nya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan dibangkitkan Datuk Seri Amirudin Shari (PH-Gombak) mengenai perancangan MITI bagi menyelesaikan isu ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan graduan TVET.

Chin Tong berkata, MITI turut mencadangkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau swasta terpilih mengambil alih pengurusan sebahagian institusi TVET.

Melalui langkah itu, beliau berkata, latihan dan pendidikan institusi dapat ditambah baik, selari dengan keperluan industri, sekali gus meningkatkan 'kadar' kebolehpasaran pelajar TVET.

Sementara itu, menyentuh isu gaji tenaga kerja TVET yang ti-



Chin Tong ketika pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.
(Foto BERNAMA)

dak memuaskan, Chin Tong berkata, perkara itu boleh diselesaikan jika semua pihak berkepentingan termasuk majikan mengambil tindakan sewajarnya.

"Gaji pekerja di negara kita sememangnya tidak memuaskan. Gaji median pada 2021 adalah RM2,250, situasi ini tidak boleh diterima anak muda kerana begitu rendah.

"Justeru, cadangan Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi) supaya gaji dinaihkan harus dilaksanakan supaya gaji graduan TVET lebih tinggi dan akhirnya gaji pekerja seperti jurutera akan menjadi lebih tinggi.

"Jika gaji jurutera tidak naik, kita bimbang mereka akan berhijrah ke negara lain," katanya.